

TADBIRAN ADAT PERPALEH NEGERI SEMBILAN

OLEH :

ISMAIL AMBIA

KOLEKSI :

NORHALIM HJ. IBRAHIM

TADBIRAN ADAT PERPATEH

NEGERI SEMBILAN

(Satu Pengkajian Tadbiran Adat Dalam
Bentuk Kejadian-nya Yang Sabenar
Berlaku Sahari-hari).

Latehan Ilmiah

Untuk Memenohi Keperluan Kelulusan

B.A. (Honours)

Jabatan Pengajian Melayu

oleh

ISMAIL AMBIA

UNIVERSITY MALAYA

SINGAPORE

MARCH, 1959

K E P U S TAKAN
-:- I S I - N Y A :-

Muka

PENGANTAR KATA i

P E N G G A L

I :	PENDAHULUAN	1
II :	SUSUNAN - TADBIR	14
III :	PERHUBONGAN ANTARA ADAT DAN KERAJAAN DAN KEMERUSUTAN ADAT	73
IV :	PERTIKAIAN ANTARA ADAT DAN U.M.N.O. DI-REMBAU	102
V :	KESIMPULAN UMUM	111

PENGHJONGAN

I :	SUMMARY	122
II :	SUMBER2 BACHAAN	125
III :	DI-ANTARA ORANG2 YANG DL-TEMUI	127
IV :	PERBILANGAN ADAT YANG MEMBERI PANDUAN	129
V :	PETA SEMPADAN2 JAJAHAN	134
VI :	PETA KEDUDUKKAN LUAK2 DAN DAERAH2 TADBIR ADAT	135

P E N G A N T A R - K A T A

A. TUJUAN.

Hal Adat Perpateh ini bukan-lah satu perkara baru untuk di-tuliskan, beberapa banyak makalah2, buku2 mengenai-nya telah pun di-siarkan, baik dari segi tadbiran mahu pun kemasharakatan. Tetapi malang-nya hampir semua penulis2 makalah dan buku2 itu ada-lah meninjau hal Adat Perpateh ini dari jauh sahaja yaitu mereka tidak mendapatkan bahan2 daripada pengalaman2 dengan memasuki atau hidup dengan masharakat itu sendiri, mereka ada-lah selalu-nya mendapatkan bahan2 daripada sa-orang dua "informants", mungkin sa-orang Undang, atau Lembaga atau Buapak atau mungkin juga mereka menyambut bahan2 yang telah sedia di-tuliskan. Oleh demikian penulisan-nya itu tidak akan dapat memberikan rupa keadaan yang sabenar-nya berlaku, atau dengan lain perkataan mereka memulis dalam bentuk "static" iaitu dalam bentuk teori-nya sahaja sedangkan dalam kejadian-nya sahari-hari ada-lah berbezaan. Sabagai yang di-nyatakan ini ada-lah disebabkan penulis2 itu tidak membuat penyiasatan2-tempatan atau "field-research" yang luas dan semasaki-masak-nya. Pada masa yang akhir2 ini baru-lah terdapat sa-orang dua yang menjalankan "field-research" dengan sechara mendalam dan "scientific" iaitu Michael G. Swift di-Jelebu dan Diane Lewis di-Kampeng Inas Johol, tetapi

mereka⁽¹⁾ ini belum lagi menuliskan atau membukukan segala hasil2 penyiasatan-nya. Ya, buah2 tulisan-nya memang sentiasa kita nanti2-kan kerana bukan sahaja amat berguna bagi keperluan ilmiah bahkan juga amat perlu kapada ahli2 pentadbir di-Negeri Sembilan untuk panduan dalam kerja2-nya dan juga amat berguna bagi satu2 ^{re}changan untuk pembangunan kampung mithal-nya.

Dalam latehan ilmiah ini penulis akan cuba membicharakan hal tadbiran Adat Perpateh dalam bentuk rupa-nya yang sabenar berlaku, umpama-nya kedudukan Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga, Buapak serta chara2 pemilehan-nya pada hari ini, segala selek belok perjalanan tadbiran itu dan mungkin juga hal2 yang kurang manis yang tidak nampak di-lihat dari luar akan di-sentoh juga dan salepas itu penulis akan memberikan satu gambaran sejauh mana-kah Adat ini masih di-gunakan dan di-hargai.

B. BATASAN

Dalam latehan ilmiah ini, oleh kerana kekurangan masa dan juga kesingkatan ruangan, maka penulis akan membuat dua batasan,

- 1 a) Michael G. Swift, dari London School of Economics, sekarang penolong pensharah di-Jabatan Pengajian Melayu, University of Malaya.
- b) Diane Lewis, seorang Mahasiswa-lanjutan (post-graduate student) dari Cornell University, United States, masih dalam penyiasatan-nya lagi.

pertama hal yang akan di-bicarakan ini semata-mata tertumpu kepada seal tadbiran dengan meninggalkan hal2 permasarakatan, ekonomik dan lain2: kedua,siasatan penulis ada-lah terhad kapada tiga luak sahaja iaitu Jelebu, Johol dan Rembau.. Sebab penulis memilih luak2 tersebut ia-lah kerana, di-Jelebu berlaku baru2 ini pertikaian antara Lembaga dan Undang, bagitu juga di-Jehol berlaku satu pertikaian antara Undang dan satu gelongan pegawai2-nya, selain daripada itu, di-Jelebu Tuan Michael G. Swift pengurus latehan-ilmiah ini ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ dan di-Johol penulis mendapat pertolongan daripada saudari Diane Lewis kerana beliau ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ pula. Dan di-Rembau ada-lah tempat penulis di-peranakan^K dan di-besarkan.

C. CHARA PENGKAJIAN

Sabahagian besar sumber2 ~~dari kumpulan~~ yang di-buat dalam latehan-ilmiah ini ada-lah daripada pengetahuan penulis sendiri sebagai sa-crang anggota dalam masharakat Adat Perpateh itu yang sama hidup dan memerhatikan perjalanan masharakat itu. Dalam hal teori-nya penulis telah membacha makalah2 dan buku2 yang telah sedia di-tuliskan.⁽²⁾ Dan yang lebeh mustahak sekali ia-lah pertemuan2 penulis dengan Date¹² Undang, Lembaga, Buapak2,erang2 biasa dari berbagai-bagai jenis penghidupan, ahli2 politik, ahli2 ugama, dan pegawai2 tadbiran yang termasuk

2 Lihat sumber-pembachaan.

ketua2 kampeng, penghulu2 mukim, kerani2 di-pejabat-tanah, pegawai2 jajahan, dan juga Pemangku Menteri Besar.

D. BERTERIMA-KASEH

Penulis mengambil kesempatan menguchapkan rasa terhutang budi kapada semua orang2 yang penulis temui yang telah memberikan segala kesudian-nya bagi menjawab pertanyan2 penulis dan juga memberikan bahan2. Nama2 mereka itu terlalu banyak hendak di-chatitkan di-sini. Akhir-nya penulis terpaksa melafazkan terima-kaseh yang tidak terhingga kapada Tuan Michael G. Swift yang telah menjadi penyuleh-jalan dan pembimbing kapada penulis, bukan sahaja daripada nasehat2-nya yang amat berharga bahkan juga daripada kuliah2 dan makalah2-nya.

Ismail Ambia
University of Malaya
January, 1959.

Penggal III.Perhubungan antara Adat dan Kerajaan dan Kemerusutan Adat.A. Peringkat Negeri.

Sabelum British masok champor-tangan dalam haltadbiran Negeri Sembilan⁽¹⁾, tidak ada satu kerajaan pusat bagi memerentah dan menguruskan tadbiran bagi negeri itu seluruhnya, sunggoh pun Jabatan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan itu telah wujud semenjak ^{sa-ratus} lebih/tahun sabelum itu⁽²⁾. Sabenar-nya sabelum itu, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan tidak lebeh daripada sa-orang Yang di-Pertuan Besar bagi Sri Menanti⁽³⁾, dan di-pandang dari segi wang dan kuasa keadaan-nya itu amat-lah "melerat" dan burok. Perbilangan-nya berkata, "Raja itu tidak boleh memungut chukai, dia ha-nya berkedilan: pemberian-nya duit sa-suku, beras dua gantang, nior sa-tali". Pemberian ini bukan-lah satu perkara yang tetap dan tertentu, tetapi ada-lah di-beri sekali sekala pada kejadian sa-orang Yam Tuan itu. Pemberian yang di-panggil Mas Manah ini, mengikut anggaran Wilkinson⁽⁴⁾ (Sri Menanti) dalam rupa wang ada-lah,

- § 14/- dari Johol.
- § 14/- dari Ulu Muar.
- § 7/- dari Jempul.
- § 7/- dari Gemenchih.

Selain daripada itu Yang di-Pertuan itu ada-lah juga menerima sadikit2 hadiah pada satu2 upachara dan kenduri yang di-adakan bagi

-
1. 1895, Negeri Sembilan masok bernaung di-bawah perentah Kerajaan Inggeris.
 2. 1773, Raja Melewar, Yang di-Pertuan Besar yang pertama di-tabalkan.
 3. Kebetulan-nya ia pernah di-gelar Yam Tuan Sri Menanti.
 4. Wilkinson, Papers on Malay Subjects, No.2, Sri Menanti, muka 14. Adalah aneh mengapa Terachi dan Gunong Pasir dua daerah yang empat dibawah Yam Tuan itu tidak memberi bayaran. Dan Wilkinson tidak ada memberi apa2 penerangan tentang ini.

satu2 perkahwinan, perkhataman dan lain2 lagi.

Memandang daripada pendapatan-nya di atas, maka nyata-lah bagaiman burok-nya kedudukan wang Yang di-Pertuan Besar itu.

Dan berhubung dengan kuasa-nya pula selain daripada daerah-nya Sri Menti dan sadikit2 daerah lain di-keliling Sri Menanti itu, Yang di-Pertuan Besar itu boleh di-katakan tidak wujud. Mengikut perbilang-nya dia ada-lah di-katakan konon sabagai berkhalifah, wakil Tuhan di-dunia. Ini bermaksud bahawa beliau ada-lah ketua yang tertinggi dalam urusan ugama dan menjadi pengadil tertinggi mengenai adat-istiadat ugama. Tetapi semua akuan dalam perbilangan ini ada-lah kosong dan tidak mempunyai apa2 maana jua pun. Dalam ulasan Wilkinson⁽⁵⁾, "Kedudukan ini ada-lah tidak mempunyai maana yang banyak, kalau dibandingkan dengan negeri2 lain itu, kerana ketuaq Adat itu lebeh bergantong kuasa dan kebebasan-nya kapada Adat dan tidak akan sekali-kali rela di-perentah oleh hukum Nabi itu: Lebeh2 lagi kadzi2 dalam satu luak itu ada-lah di-lantek oleh Undang dan Undang itu tidak sabar melihat kalau satu2 perkara yang berbangkit itu di-panjangkan kapada mahkamah yang lebeh tinggi." Bagitu juga Yang di-Pertuan itu di-katakan berkeadilan dan pegawai tertinggi dalam urusan Adat, ia boleh memanchong dengan pedang, manakala Undang ha-nya boleh menggunakan kris saja. Wilkinson⁽⁵⁾ telah juga mengulas, "Segala hak2 istimewa-nya itu tidak ada arti: kerana satu2 pengaduan ka-peringkat tinggi itu hendak-lah mendapat kebenaran Undang juga".

5. Wilkinson, Papers on Malay Subjects, No.2 Sri Menanti, Muka 15, 16.

Ini ada-lah menjadi satu keanehan juga . Sunggoh pun Dato¹² Undang itu berkehendakkan sa-orang raja bagi negeri itu , tetapi mereka tidak sekali-kalirela rela Yang di-Pertuan Besar itu ckampor-tangan dalam urusan tadbiran-nya dan mereka tetap mempertahankan hak2-nya sebagai sa-orang raja dalam luak-nya .

Oleh demikian perbilangan yang menyatakan , "Alam beraja"⁶ itu tidak lebeh daripada satu akuan kosong saja . Ini ada-lah juga menunjukkan bahawa anggapan "ketuanan" itu sunggoh pun maseh terdapat dalam hati orang2 Negeri Sembilan itu sebagai satu sisa -baki pusaka yang di-bawa oleh Kebudayaan Hindu ka-Kepulauan Melayu ini , tetapi dalam amalan-nya mereka tidak dapat menembil-nya .

Mengikut P.E.Josselin de Jong⁷ , sebab yang utama empat Undang⁸ itu menjemput sa-orang raja dari Minangkabau ia-lah kerana meminta tolong melawan pencherobohan Bugis ka-Negeri Sembilan . Kalau benar pendapat ini , maka bermaana Yang di-Pertuan Besar itu ada-lah hanya di-gunakan sebagai satu alat sa-mata-mata bagi melawan pencherobohan dari luar oleh Dato¹² Undang yang bersangkutan itu .

Tetapi pada masa thi kedudukan Yang di-Pertuan Besar itu sudah jauh berubah . Dari perlumbagaan Kerajaan Negeri Sembilan , "semua urusan tadbiran Kerajaan ada-lah di-jalankan atas

6. Alam beraja , Luak berpenghulu , Suku berlembaga , anak-buah beribuba-

bapa.

7. Minangkabau & Negeri Sembilan socio-political structure
in Indonesia , 1951

8. Sungai Ujong , Johol , Rembau , Ulu Muar .

nama-nya , ia di-beri hak bagi melantek sa-orang Menteri Besar , sa-orang Setia Usaha Negeri dan pegawai kanan kewangan" . Dan selain dari itu , ia juga menerima pension yang agak lumayan ^(sedikit) juga seperti Sultan2 di-negeri2 asing itu .

Oleh demikian kedatangan tadbiran baru itu , Yang di-Pertuan Besar di-beri hak2 dan kuasa yang istimewa dan tidak berlaku apa2 pengambilan kuasa daripada-nya malahan sabalek-nya pula . Ini ada-lah berlainan kalau di-perhatikan pada peringkat luak , suku dan kampong nanti , di-mana tadbiran baru mengambil beberapa kuasa Undang , Lembaga dan Buapak . Kedatangan tadbiran baru ka-Negeri Sembilan itu , maka kedudukan Yang di-Pertuan Besar boleh-lah di-katakan sama dengan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dengan kedatangan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ⁹ .

B. Peringkat Luak , Suku dan Kampong .

Beberapa lama sabelum British masuk champor-tangan dalam hal tadbiran Adat ini serta membawa satu tadbiran baru , Adat itu memang telah menjalankan urusan tadbiran-nya . Sabagaimana yang telah di-cheritakan dulu , bahawa sabelum kedatangan tadbiran baru ini , tidak ada satu tadbiran pusat bagi menyelenggarakan tadbiran bagi seluruh negeri itu . Yang ada dalam amalan hanya tadbiran pusat bagi satu2 luak itu . Dan dalam tadbiran traditional itu tidak terdapat alat2

saperti Pejabat Tanah dengan pegawai daerah-nya serta penghulu2 Mukim-nya dan lain2 lagi , Balai Polis serta dengan pegawai2-nya , sekotak2 dan lain2 lagi . Dengan kedatangan alat2 tadbiran baru di-peringkat luak ini-lah maka terdapat pengambilan kuasa daripada tadbiran traditional oleh pehak kerajaan dan di-sini-lah tadbiran baru dan traditional itu bersinggung-singgungan bahu dan di-sini akan nyata kelihatan kemerusutan tadbiran Adat itu .

C. Undang dan Lembaga dan Buapak .

Sabtu kedatangan Tadbiran Baru kerajaan Negeri , Undang itu ada-lah sa-olah2 sebagai raja dalam luak-nya , yang di-bantu oleh pegawai2-nya Dato2 Lembaga dan lain2 lagi , saperti Orang Delapan di-Jelebu , Tiang Balai di-Rembau dan lain2 lagi dalam luak2 asing itu . Dia-lah pengadil tertinggi dalam luak-nya dan menguruskan hal polis dan ketenteraan . Sabagai sa-buah negeri tadbiran sendiri , dia ada-lah menganjorkan hal peperangan dan juga bertanggong jawab atas segala keamanan , pemungutan chukai dan lain2 lagi . Pendek kata semua urusan tadbiran ada-lah urusan dan tanggong-jawab-nya . Dalam masharakat modern susunan tadbiran traditional ini tentu-lah susah hendak memahamkan-nya dan juga tidak mungkin dapat di-jalankan lagi apabila masharakat itu bertambah luas dan besar . Dengan kedatangan tadbiran itu , semua urusan2 tadbiran yang tersebut yang selama itu di-uruskan oleh Undang itu sendiri , di-ambil . Dan di-sini tidak menjadi apa pergaduhan sebab bukan sahaja tadbiran baru itu kemas dan baik tetapi juga dalam tadbiran traditional

dulu tidak ada satu2 susunan yang tetap dan tertentu saperti bagi menguruskan hal keadilan , keamanan , pemungutan chukai , menguruskan hal perbelanjaan , pembahagian tanah dan lain2 lagi . Oleh demikian tidak ada-lah satu2 rupa yang jelas pengambilan kuasa Undang oleh pihak kerajaan , malahan apabila Undang itu di-beri pension yang tetap ia berdiam diri. Beberapa beban urusan-nya tentu-lah sudah di-ringankan dan juga keadaan luak-nya menjadi lebuh teratur dengan kedatangan tadbiran baru itu. Undang itu berpuas hati , bila ia di-beri tahu bahawa kerajaan tidak akan champor-tangan dalam hal istiadat dan ugama . Maka ini dengan sendiri-nya kedudukan Undang itu merusut dan tinggal dalam urusan Adat dan Ugama .

Beberapa perhubongan resmi terdapat juga dalam perlembagaan Undang2 Tuboh Negeri Sembilan saperti yang terdapat dalam Perjanjian Negeri Sembilan , 1948.dan Dato'2 Undang itu ada-lah turut sama dengan Yang di-Pertuan Besar membuat perjanjian dan Undang2 Tuboh Negeri itu saperti yang tertulis , " Perjanjian ini di-buat pada 21 haribulan January 1948 antara Sir Gerald Edward James Gent ,K.C.M.G. ,D.S.O. ,Q.B.E.M.C. sebagai wakil Duli Yang Maha Mulia (His Majesty) dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhom Tuanku Muhammad Negeri Sembilan , Yang di-Pertuan Besar dan pemerentah , Knight Commander of the Most Distinguished Order of St. Michael and St. George , dan Dato' Klana Petra Mohammed Kassim bin Dato' Nika Abd.Rashid ,Undang Sungai Ujong, Dato' Mendikānsteri Akhir Zaman Shamarrudin bin Abd.Rahman ,Undang Jelebu, Dato' Johan Pahlawan Lela

Maharaja Haji Ipap bin Abdullah, Undang Rembau dan Tengku Besar Tampin, bagi mereka dan penganti2-nya".

Bagitu juga dalam apa2 perjanjian dan Treaty yang berhubong dengan Negeri Sembilan, Dato'2 Undang itu masti-lah turut sama mempersetujui dan menurunkan tanda-tangan-nya.

Selain daripada itu Dato'2 Undang itu ada-lah ahli2 tetap dalam Majlis Meshuarat Kerajaan,

Ahli2. 18(1) Majlis Meshuarat Negeri itu akan mengandungi Dato'2 Undang serta Tengku Besar Tampin

Dalam Undang2 Tuboh Negeri, Dato'2 Undang itu ada-lah juga mempunyai kuasa2 yang sama dengan Yang di-Pertuan Besar saperti,

kuasa2 istemewa 41(1)Sakira-nya Duli Yang Maha Mulia Duli Yang Maha Mulia.

dan Dato'2 Undang serta Tengku

Besar Tampin memikirkan bahawa

bagi kepentingan ketenteraman

umum dan kebaikan kerajaan,

bahawa satu2 Bill yang hendak

di-luluskan itu atau satu

chadangan di-bawa ka-Majlis

Meshuarat Negeri untuk di-kuat-

kuasakan, dan sakira-nya majlis

itu tidak dapat meluluskan Bill

atau chadangan tersebut dalam

satu jangka masa dan rupa yang
di-fikirkan perlu oleh Duli Yang
Maha Mulia dan Dato² Undang serta
Tengku Besar Tampin , maka mereka
boleh-lah menjalankan kehendak-nya
dan fikiran-nya itu
.....".

Dari perlumbagaan di atas maka nyata-lah bahawa Undang itu
dan
mempunyai kuasa2 yang istemewa juga/dalam beberapa hal kuasa-nya
ada-lah sama dengan Yang di-Pertuan Besar . Tetapi dalam hal urusan
tadbiran , malah Dato² Undang itu tidak champor tangan lagi , urusan
tadbiran ada-lah di-kelulakan oleh jabatan2 yang tertentu yang
di-adakan oleh kerajaan .

Oleh demikian dengan kedatangan tadbiran baru kedudukan
undang itu bertukar daripada sa-orang pemerentah yang menjalankan
urusan2 tadbiran dengan sendiri kepada sa-orang yang merenchang
policy dalam negeri untuk di-jalankan oleh pegawai2 tadbiran yang
terlateh , dan juga mempunyai kuasa2 teristemewa dan tertentu .
Tetapi sama-ada beliau menggunakan kesempatan dan kuasanya itu dengan
bijak dan berguna bagi kebaikan luak-nya ada-lah satu soal lain
dan ini ada-lah menghendakki penyelidikan yang lebuh mendalam .
Dalam luak-nya itu d sendiri Undang itu ada-lah mempunyai kuasa
yang serta pengaroh yang kuat seperti yang telah di-cheritakan
dulu dan akan di-sentoh lagi .

D. Peringkat suku dan kampong.

Lembaga itu ia-lah ketua bagi satu2 suku yang mengandonggi beberapa kampong. Kerja2-nya pada masa dulu termasok-lah tadbiran suku itu, memberikan pimpinan serta menguruskan hal2 sosial saperti nikah-kahwin, kematian, satu2 upachara dan lain2lagi.

Sæbelum kedatangan tadbiran baru, dia-lah yang membahagikan tanah, dan memberi kebenaran kepada sa-sa-orang yang hendak meneruka sa-keping tanah dalam suku-nya itu. Dia-lah juga yang menyelesaikan satu2 pergaduhan yang berhubung dengan tanah. Dia-lah juga yang mengadilkan satu2 pergaduhan, perselisihan yang tidak dapat di-selesaikan oleh ibu-buapak, dan dalam satu2 pergaduhan itu ia dibenarkan memberi hukuman bayar hingga 20 rupiah (\$7/20)⁽¹⁰⁾. Dia ada-lah juga menjadi perantaraan perhubungan antara Undang dan anak2-buah-nya. Kapada-nya juga orang2 kampong itu berharapkan pimpinan dan panduan, saperti membuat satu2 empangan ayer, memulakan menyangkul sawah, mengadakan istiadat puar, membajiki mesjid2, membuat jalan2 dan jembatan2 di-kampong itu dan lain2 kerja yang berhubungan dengan semua pendudok2 suku-nya itu.

Sementara buapak pula kerja2-nya dan kuasa-nya lebih terbatas kapada satu2 perut dalam suku itu. Gelaran-nya itu sendiri menyatakan bahawa kerja2-nya itu tertumpu kapada urusan2 yang lebih rendah yang sentiasa berlaku dalam perut-nya itu atau beberapa

10. Parr & Mackray, Rembau, Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch No.56.

kumpulan keluarga itu, seperti menyelesaikan pergaduhan2 kecil sa-umpama mengenakan pampas kalau kerbau sa-sa-orang itu memakan padi sa-sa-orang yang lain, dan juga memberikan satu2 pimpinan dalam perut atau kempong-nya itu saperti membaiki surau, membuat jalan dalam kampong itu, membersehkan tanah-perkuboran, membaiki tali2-ayer sawah dan lain2 lagi yang mempunyai hubungan dengan semua anggota masyarakat dalam kampong itu.

Dengan kedatangan tadbiran baru itu, semua kerja2 tersebut di-ambil atau berpindah kepada tangan pegawai2 kerajaan yang bersangkutan. Dalam satu2 daerah⁽¹¹⁾, terdapat sa-orang pegawai jajahan dan di-bawah-nya penghulu2 mukim dan di-bawah penghulu2 mukim itu pula ketua2 kampong. Pemindahan kuasa yang banyak berlaku dalam hal tadbiran itu ia-lah daripada lembaga2 dan buapak kapada penghulu2 mukim dan ketua2 kampong. Penghulu Mukim ada-lah sa-orang pegawai kerajaan yang menjadi wakil kerajaan dalam mukim-nya itu. Satu2 mukim mungkin mengandungi beberapa kampong2 yang terdiri daripada berbagai-bagi suku. Pendek kata kawasan mukim itu ada-lah tetap dalam satu unit dan kawasan-nya ada-lah lebeh lebar daripada satu2 suku itu. Ketua kampong ada-lah sa-orang yang di-pileh oleh orang2 kampong itu sendiri (di-Rembau baru ini Pilehan Raya) dan kawasan-nya mungkin meliputi beberapa buah kampong yang mungkin juga terdiri daripada beberapa suku.

11. Satu2 Luak itu ada juga yang terlingkong kepada satu daerah saperti Jelebu dan Rembau.

E. Sekarang timbul soal mengapa-kah dan bagaimana-kah kuasa dan kerja2 Lembaga dan Buapak itu boleh berpindah kepada Penghulu2 Mukim dan Ketua2 Kampong, iaitu daripada tadbiran asli kepada tadbiran baru?

1. Ujud-nya Jawatan2 Penghulu Mukim

Apabila tadbiran baru itu di-adakan maka semua tanah2 hendak-lah di-beri geran2, dan semua tanah2 baru yang hendak dibuka hendak-lah mendapatkan kebenaran daripada Kerajaan yang menjalankan beberapa siasatan dari beberapa segi, adakah tanah itu layak dan boleh di-buka. Di-sini timbul soalan mengapakah Kerajaan tidak menjadikan Lembaga2 itu sendiri menjadi Penghulu2 Mukim? Penulis sendiri tidak dapat memberi jawapan daripada pandangan Kerajaan. Tetapi menurut pendapat penulis sendiri, menjadikan Lembaga2 itu Penghulu2 Mukim memang tidak dapat dilakukan di-pandang dari beberapa segi. Pertama-nya kerja2 Penghulu Mukim itu adalah menghendakki sa-orang pentadbir yang professional dan terlateh, yang memerlukan kebolehan yang tertentu, tahu menulis dan membaca serta juga memerlukan satu jangka umor yang tertentu supaya kerja2 sa-sa-orang Penghulu Mukim yang agak rumit itu dapat dijalankan dengan lancar dan kemas. Sabalek-nya kalau kita perhatikan sa-orang Lembaga itu, pemilehan-nya bagi jawatan Lembaga-nya itu bukanlah berdasarkan satu2 kebolehan dan pelajaran yang tertentu dalam arti-

kata yang sabenar-nya sunggoh pun di-teliti juga kelayakan-nya itu, tetapi kebanyakan daripada-nya ia-lah terpilih kerana berasib baik bahawa giliran satu2 Lembaga itu jatoh kepada perut-nya atau ruangan-nya dan mungkin dalam kumpulan yang kecil itu dia-lah yang paling berkebolehan dan layak, oleh demikian terpilih-lah ia. Di-samping itu juga jawatan Lembaga itu ada-lah sa-umur hidup dan satengah2 Lembaga oleh sebab umur-nya yang telah sangat lanjut tidak upaya hingga hendak berjalan-jalan, dan masakan dalam keadaan umur dan kesihatan-nya yang demikian boleh ia menjalankan kerja Penghulu Mukim yang berbagai-bagai ragam itu.

II. Kechekapan tadbiran bapu.

Dengan kedatangan alat2 tadbiran baru saperti Jabatan Polis, Mahkamah, Pejabat Tanaman, baru2 ini Pejabat Ugama dan lain2 lagi, maka dengan sendiri-nya orang2 kampong itu menggunakan kesempatan2 ini, kerana alat2 tadbiran kerajaan itu lebeh chekap, lebeh saksama, dan lebeh memuaskan kerja2-nya. Kata-lah kalau sa-sa-orang itu berkehendakkan pengadilan dalam satu2 pergادuhan maka ia pergi berjumpa Dato' Lembaga. Satu2 pertimbangan yang saksama dan memuaskan tidak mungkin dapat di-berikan-nya se-lain daripada mengajurkan kapada mereka supaya berselesai dan berbaik-baikan. Ia tidak mempunyai alat2 saperti undang2 yang terbuku bagi menimbangkan dan membicharakan satu2 hal itu, pegawai2 yang terlateh bagi menguruskan perbicharaan itu saperti Lawyer, Magistrate dan Polis bagi menentukan

satu2 hukuman yang di-kenakan itu akan di-jalankan.

III. Tidak chekap menjalankan kerja.

Bukan sahaja hal tadbiran yang nyata berpindah daripada tangan2 Lembaga dan Buapak2 itu kapada pehak kerajaan, bahkan juga hal pimpinan, seperti kerja2 mengadakan empang ayer, tali-ayer sawah, membuat jalan di-kampong2, bagi memulakan menyangkul sawah dan lain2 lagi. Ini bukan-lah bermaana bahawa kerjaan chuba hendak membelakangkan kedudukan Lembaga2 itu, tetapi ia-lah kerana Lembaga2 itu sendiri tidak lagi mahu mengambil berat dengan urusan2 anak-buahnya itu. Dalam pembinaan sa-buah empang yang di-anjorkan oleh pehak kerajaan mithal-nya, hal itu ada-lah di-beri tahu dulu kapada Dato' Lembaga yang bersangkutan, dan mengikut kata pegawai2 kerajaan yang pernah penulis temui maka di-dapati kebanyakan Dato'2 Lembaga itu adalah tidak mahu mengambil berat akan hal tersebut. Di-sini kita tidak juga boleh menyalahkan pehak Dato' Lembaga itu, kerana daripada pendapatan-nya⁽¹²⁾ yang kecil itu tentu-lah tidak mungkin bagi-nya memberikan tenaga-nya yang banyak, bahkan dia sendiri terpaksa menchari nafkah bagi-nya juga. Dengan kedatangan aturan bermukim-mukim ini ka-dalam satu luak itu, bukan sahaja kuasa lembaga2 itu menjadi merusut bahkan juga susunan dan perasaan bersuku-suku itu menjadi lemah. Satu2 mukim itu mengandungi beberapa kampong yang selalu-nya berjajaran di-sepanjang anak2 sungai dan kampong2 ini

12. Di-Rembau pension Lembaga yang paling tinggi Seri Maharaja \$39.60; dan yang paling rendah Dato' Dagang, Dato' Mangkuta dan Penglima Dagang \$6.00 tiap2 sa-orang.

mungkin terdiri daripada beberapa suku yang berlain-lainan. Jadi sekira-nya kalau ada satu2 kerja yang bersangkutan dengan semua anggota mukim itu sa-umpama membuat empangan, membuat jalan dan pada akhir2 ini menguraskan hal2 sekolah, maka terpaksa-lah orang2 dari berbagai-bagai suku itu bekerja bersama-sama dan dengan sendiri-nya melemahkan perasaan bersuku-suku itu.

IV. Tempat tinggal Lembaga, Buapak dan Ketua Kampong.

Dengan kewujutan jawatan2 Ketua Kampong dalam tadbiran baru itu, kuasa serta urusan Lembaga2 dan Buapak itu menjadi lebeh merusut lagi, hinggakan urusan2 yang lebeh rendah dalam satu2 perut atau keluarga itu berpindah atau lari daripada tangan Lembaga2 dan Buapak2 yang tersebut. Orang2 kampong itu lebeh chenderong meminta satu2 pimpinan, pertolongan dan pertimbangan daripada ketua2 kampong daripada Buapak2 dan Lembaga2-nya. Sebab yang utama ia-lah sa-saorang ketua Kampong itu tinggal dalam kampong itu sendiri manakala sa-orang Buapak atau Lembaga sunggoh pun ia di-lahirkan dalam kampong itu, tetapi apabila berkahwin pindah dan tinggal di-rumah isteri-nya⁽¹³⁾ yang mungkin jauh terletak-nya daripada kampong itu. Oleh demikian kalau ada satu2 pimpinan dan pertolongan dan lain2 hal tentu-lah lebeh senang bagi mereka menemui ketua Kampong yang tinggal dalam kampong itu sendiri daripada menemui Lembaga yang tinggal jauh daripada kampong itu, dan apa-lagi mungkin mereka tidak mengetahui di-mana letak rumah Lembaga atau Buapak mereka itu, dan juga oleh kerana

Lembaga atau Buapak itu jarang2 melawat anak-buah-nya maka anak-buah itu tidak akan begitu biasa hendak meminta pertolongan daripada-nya berbandingan dengan ketua2 kampong yang mereka jumpai sa-tiap hari itu. Di-samping itu juga ketua kampong itu adalah sa-orang yang kebeh chekap, ia itu sa-orang yang paling berkebolehan dalam kampung itu, dan juga selalunya dia ada-lah sa-orang yang tahu membaca serta menulis serta mempunyai hubongan yang kebeh dekat lagi dengan kerajaan dan semua-nya ini mendorongkan orang kampong itu meminta pertolongan dan mengadukan kesulitan2-nya dengan Ketua Kampong dan ini dengan sendirinya meninggikan kedudukan Ketua Kampong itu dan meninggal-kan atau melemahkan kedudukan Lembaga dan Buapak2 dalam suku itu.

Dalam keadaan yang tidak nyata, tidak di-sedari dan perlahan2 maka berlaku-lah perpindahan kuasa daripada Lembaga2 dan Buapak2 kepada pegawai2 tadbiran baru itu, dan dalam perhatian penulis, Lembaga2 dan Buapak2 itu pada hari ini tidak pula memberikan apa2 bantahan atas hal ini, malahan mereka ini adalah menyerah diri dengan membenarkan supaya kuasa2 dan urusan2 itu di-ambil oleh pegawai2 kerajaan yang bersangkutan itu. Bagi-nya untuk membaikki keadaan hidup anak-buah2-nya adalah kuar daripada fikiran dan perhatiannya. Baru2 ini dalam satu upachara perkawinan anak Undang di- Rembau, jawatan-kuasa menyelanggarakan upachara dan khenduri tersebut ada-lah terdiri daripada pegawai2 kerajaan yang di-ketuai oleh Pegawai Tajiqhan sendiri.

Sa-benar-nya dalam satu2 upachara saperti ini Dato'2 Lembaga-lah yang sa-patu1t-nya menguruskan dan mengambil peranan yang penting. Apa-bila penulis sendiri mengemukakan soal ini kapada sa-orang penolong Pegawai Jajahan di-Rembau, kata-nya bukan pegawai2 kerajaan yang merampas kuasa dan kerja tersebut, sa-benar-nya Dato'2 Lembaga itu sendiri-lah yang menyerahkan kuasa dan urusan tersebut kapada pegawai2 kerajaan yang bersangkutan.

V. Kuasa Lembaga yang tinggal.

Sa-telah di-kupas kedudukan Lembaga dan Buapak itu, maka sekarang timbul pula soalan apa-kah kuasa2 dan urusan yang ada lagi pada mereka pada hari ini? Pernah juga penulis mendatangkan pertanyaan ini kapada Dato'2 Lembaga dan Buapak2 itu: sendiri. Dan mereka sendiri tidak dapat memberikan jawapan yang nyata apa-kah kuasa2-nya, urusan2-nya, tanggong-jawab-nya dan kedudukan-nya yang sa-benar.

Dalam perhatian penulis kuasa-nya dan urusan-nya yang nyata pada hari ini ia-lah berhubung dengan tuntutan dan jualan tanah pusaka. Sa-belum meninjau peranan Lembaga itu dalam hal ini maka elok di-cheritakan bagaimana atoran tuntutan dan jualan tanah pusaka ini dibuat. Mengikut Undang2 215⁽¹⁴⁾, sa-kira-nya sa-sa-orang itu hendak menuntut tanah pusaka atau menurunkan tanah pusaka kapada anak-nya atau hendak menjualkan tanah-pusaka-nya itu, maka terlebih dahulu hendak-lah ia memberi tahu Pejabat Tanah dan selalau-nya pegawai yang menguruskan hal ini ia-lah penolong Pegawai Jajahan. Sa-lepas itu

pegawai tadi akan menjalankan peraturan tuntutan, turunan dan jualan tanah-pusaka tersebut mengikut aturan yang telah di-maktubkan dalam Undang² 215 , dengan mengemukakan hal tersebut serta meminta waris² lain yang hendak memeberi bangkangan kepada tuntutan , penurunan dan penjualan tanah yang tersebut . Sa-lepas itu sa-telah tempoh 36 hari tidak ada papa² bangkangan , maka kerja penuntutan , penurunan atau penjualan itu di-adakan oleh pegawai kerajaan itu dengan memanggil si-waris yang berkaitan serta juga Dato' Lembaga ka-pejabat-nya . Pegawai itu tadi sa-terus-nya meminta fikiran Dato' Lembaga itu ada-kah apa² bangkangan kapada tuntutan atau penurunan atau penjualan tanah itu daripada-nya dan sekira-nya ia memberi persetujuan dan kebenaran-nya maka di-luluskan-lah oleh pegawai tadi atas permintaan si-waris di atas . Tetapi sekira-nya ada apa² bangkangan daripada waris² lain atas hal di-atas , maka Pegawai tadi akan meminta akan fikiran Dato' Lembaga tadi kedudukan hal itu dan meminta juga pertimbangan-nya . Sunggoh pun demikian kuasa pegawai kerajaan itu ada-lah lebeh tinggi dalam memberikan satu² pertimbangan dalam hal yang demikian saperti yang tercatit dalam Undang² 215 itu sendiri¹⁵ .

" Sekira-nya lagi dalam pembicharaan itu , kalau pegawai itu satelah menyelidikki kedudukan-nya lebeh lanjut dan di-dapati bahawa kebenaran yang di-berikan oleh Dato' Lembaga itu bersetentangan dengan aturan Adat , maka ia hendak-lah menchatitkan hal itu dan

¹⁵ Debts and Contracts of deceased person .

menahan tanah itu daripada di-berikan kepada pihak yang membangkang.

"Sa-kira-nya lagi dalam satu pembicharaan itu Dato'

Lembaga yang berkenaan itu tidak mahu memberikan kebenaran-nya atau tidak mahu menghazirkan diri-nya sa-telah di-beri tahu masa, tempat pembicharaan itu di-adakan, dan sa-kira-nya pegawai itu sa-tehah menyelidikki kedudokkan hal itu dengan lanjut-nya dan di-dapati keanggannan Dato' Lembaga itu memberikan kebenaran-nya dan menghadhirkkan diri-nya itu tidak berdasarkan kapada satu2 sebab2 yang munasabah, maka boleh-lah ia memberikan tanah-pusaka itu kapada pihak yang membangkang".

Dari sadikit petekkan daripada Undang 215 di atas, maka nyata-lah bahawa Lembaga itu sendiri tidak mempunyai kuasa yang kuat dalam memberikan pertimbangan itu atau tidak begitu di-perchayakan. Ini ada-lah menunjukkan bahawa pegawai kerajaan itu lebeh berkuasa lagi daripada Dato' Lembaga. Pernah juga penulis mendatangkan pertanyaan kepada pegawai2 yang berhubong dengan hal tersebut, adakah ia mengambil pertimbangan yang berat daripada fikiran Dato' Lembaga itu apa-bila ia membuat keputusan timbangan-nya, dan katanya mereka tidak bagitu memerlukan sangat nasehat2 atau fikiran2 Dato'2 Lembaga itu, kerana mereka boleh dan juga lebeh berpandukan kepada chontoh2 pembicharaan yang di-kumpulkan oleh Taylor¹⁶.

Walau sakali pun kuasa Pegawai Kerajaan itu lebeh kuat dari pada kuasa Lembaga itu, tetapi ini-lah satu kuasa atau urusan Lembaga itu yang nyata dan yang berhubongan dengan kerajaan. Dan kebetulan-nya

16. Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society, vol.VII.

di-sini-lah pula anak2 buah itu terpaksa "berikhtiar" bagi mendapatkan sokongan Dato' Lembaga itu , terutama-nya kalau timbul 2 atau pertikaian dalam penjualan atau penurunan harga pusaka itu . Dan berhubong dengan penuntutan dan penjualan x tanah-pusaka ini-lah anak2 buah itu mesti memrlukan Dato' Lembaga , kerana kehadiran^{an}-nya ada-lah di-mestikan oleh Pegawai Kerajaan yang bersangkutan mengikut aturan Undang2 215 .

Selain daripada itu tidak ada kuasa Lembaga itu yang nyata nampak tinggal lagi . Hinggakan dalam hal social , seperti nikah-kahwin , Dato' Lembaga itu tidak di-fikirkan bagitu mustahak lagi , terutama tempat2 yang berhampiran dengan pekan2. Pada hari ini sudah terdapat kechenderungan bahawa soal perhubongan dan perkahwinan antara dua gadis dah teruna itu ada-lah urusan mereka sendiri dan tidak lagi dengan chara adat risek-andai , pinang-meminaq yang mungkin berkehendakkan pertolongan Lembaga itu . Juga perkahwinan seperti menyerah, merumah dan lain2 lagi itu yang sering berlaku dalam masharakat yang tertutup itu dulu, yang berkehendakkan pertimbangan dan pertolongan Lembaga sudah jarang berlaku . Dan juga kenduri perkahwinan yang berlangsung selama tiga atau lima hari yang memerlukan kedatangan Lembaga sudah jarang di-adakan : kechenderungan kapada kenduri yang lebeh ringkas yang tidak bagitu memerlukan kedatangan Lembaga lebeh mustahak . Bahkan dalam satu2 kenduri perkahwinan itu , ahli2 jemputan yang lebeh di-istimewakan ia-lah pegawai2 kerajaan seperti

pegawai jajahan , pegawai Polis , kaki-tangan2 Pejabat Tanah , guru2 Sekolah dan pegawai2 kerajaan yang lain dan Dato'2 Lembaga dan Buapak2 itu sendiri tidak bagitu di-istemewakan¹⁷.

Demikian-lah chara-nya dari sahari ka-sahari kedudukan Lembaga itu menjadi terhimpit dan tinggal ka-belakang , dan bagi mereka , tidak pula memberikan apa2 bantahan kapada perjalanan masharakat itu ; bahkan ia turut sama mengikut putaran perjalanan masharaket itu . Dan satu2 factor yang utama melemahkan kuasa dan kedudukan Lembaga dan Buapak2 yang bermaana juga Susunan Adat itu , ia-lah kedatangan tadbiran baru , sama-ada dengan sechara langsung atau sechara tidak langsung .

F. Factor2 lain yang melemahkan Adat

1. Perubahan masharakat

Satu factor yang penting lagi yang melemahkan aturan Adat itu ia -lah perubahan masharakat , sama-ada perjalanan masharakat itu mau pun pandangan hidup dalam masharakat itu . Dengan pendek-nya boleh-lah di-katakan bahawa Adat itu tumbuh dalam masharakat lama , iaitu suatu masharakat kecil dan tertutup di-mana terdapat setu perpaduan dalam rupa suku2 dan kampong2 . Dalam penghidupan setiap hari dalam lingkongan yang kecil itu maka terdapat sa-orang itu

17. Mengikut Michael G.Swift, " Sebab terutama tetamu lain lebih di-istemewakan ia-lah kerana dia anggota daripada golongan keatasan (sunggoh pun anggota kecil) dan Dato'2 Lembaga biasa-nya hanya orang kampong sahaja walau pun besar pusaka-nya , banyak harta-nya dan walau pun pandai sekali beradat. Menurut pendapat saya ketua kampong pun tidak di-hormatkan -orang kampong pula " .

bergantong dan bertolong-tolongan antara satu dengan lain. Dalam suasana demikian, maka tercipta-lah Perbilangan Adat Perpateh yang mashor itu,

Dekat rumah dekat kampong
 Sa-halaman sa-permainan.
 Sa-pergi sa-permandian,
 Hati gajah sama di-lapah,
 Hati kuman sama di-chechah.

Hidup sachara demikian tentu-lah boleh di-amalkan dalam satu masharakat yang pergaulan-nya terbatas, di-mana sekelian orang kenal-mengenali dan apa-lagi di-ikat dengan satu persatuan keluarga2 yang terdapat dalam bentuk suku2 itu.

Tetapi pada hari ini, masharakat itu telah berkembang, ahli2 suku itu telah bertambah dengan berlipat-ganda hingga2 pemindahan2 terpaksa di-lakukan. Dengan ini tidak-kah menjadi satu kesukaran juga menentukan dan mengenal suku sa-sa-orang itu? Pendudok2 satu2 kampong itu pada hari ini sudah hidup berhimpit-himpitan, tanah-sawah sudah di-rachek2 dan di-bahagi-bahagi hingga2 ada satengah2-nya ha-nya mempunyai sa-lepak dua sawah,¹⁸ dan dalam keadaan hidup demikian, sudah samesti-nya hidup itu berlumba-lumba dan masing2 lebeh memikirkan hal sendiri daripada hal umum bagi kampong itu: prinsip hidup "Hati gajah sama di-lapah, hati kuman di-chechah itu" tidak dapat di-amalkan lagi.

18. Sa-lepak sawah, lebar-nya lebeh kurang, biasa-nya, 12 kaki lebar dan 12 kaki panjang.

Bahkan antara ahli2 dalam sa-sama keluarga bermaharajalela perasaan dengki mendengki akibat kesusahan, desakan dan kemelaratatan hidup yang sempit dan susah itu. Hidup bergutong-ropong yang selalu di-agong2 kan itu tidak ada lagi dalam kamus masharakat ini. Hal ini ada-lah di-sebabkan susunan Adat itu juga. Mengikut Adat Perpateh, tanah-pusaka¹⁹ itu ada-lah turun-temurun daripada ibu kepada anak perempuan dan tanah-pusaka itu tidak boleh di-jualkan. Maka akibatnya sa-keping tanah itu^{di-} bahagi2 dan di-racheck2. Kata-lah sa-orang ibu itu mempunyai empat orang anak perempuan, maka tanah-pusaka yang mungkin di-puasakai daripada iburnya dulu terpaksa di-bahagi antara empat anak permpuan-nya itu dan kemudian anak2 perempuan-nya itu mungkin akan melahirkan beberapa anak2 perempuan lagi dan satu2 bahagian itu di-bahagi lagi antara anak2 perempuan satu2 ibu itu dan saterus-nya. Hal ini ada-lah menjadi satu kesukaran yang besar juga, kerana orang2 kampong itu tetap juga dudok dalam kampong tanah-pusaka yang berpusu-pusu serta sempit itu dan juga menuntut tanah sawah yang sa-dikit itu. Rasa perhubongan jiwa-nya kapada tanah pusaka itu ada-lah amat kuat, kata-nya walau sadikit mana pun, "itu pusaka den" dan ada-lah menjadi satu keaiban kapada mereka kalau mereka tidak mempunyai apa2+tanah pusaka.

Chara pencharian hidup baru ada-lah juga menjadi factor melemahkan Adat itu. Pada masa dulu masharakat itu mendasarkan

19. Customary-land.

pencharian hidup-nya kapada pertanian iaitu bersawah dan dalam keadaan demikian tentu-lah memerlukan satu aturan gotong-royong, saperti bertolong-tolongan mengerjakan sawah bengang itu yang dinamakan-nya "menyeraya." Pada hari ini sunggoh pun masharakat itu maseh lagi mendasarkan pencharian hidup-nya yang utama kapada bertanam padi tetapi keadaan telah berlainan. Dari segi pencharian hidup, masharakat itu tidak berpaduan lagi, kerana di-samping menyangkul sawah itu, orang2 kampong itu ada-lah membuat berbagai-
bagai pekerjaan lain, saperti menuris getah, menjadi guru2 sekolah,
guru2 ugama, polis, ashkar, kerani2, peon2, boroh^{dan} lain2 lagi.
Oleh demikian dalam hal pencharian hidup ini, masharakat itu sudah berderai-derai dan tidak lagi berpadu dan bersatu bagi memberi kesempatan untuk bergutong-ruyong dan berkumpol-kumpolan. Oleh itu kalau sa-sa-orang guru sekolah atau kerani tidak dapat mengerjakan sawah-nya dengan sendirian maka akan di-pahakkan-nya menyangkul-nya
atau mengerjakan-nya atau terus diperdua-kan-nya.²⁰ Bagitu juga dalam hal mendirikan rumah. Bahkan bukan orang2 yang makan gaji sahaja berbuat demikian, hinggakan orang2 kampong yang menuris getah itu pun berbuat bagitu. Tambahan pula pada hari ini di-satengah2 tempat di-Rembau, "tractor" telah di-gunakan.

Oleh demikian perubahan masharakat saperti ini telah melemahkan perasaan perpaduan yang menjadi factor penting dalam masharakat yang bersuku-suku itu dan yang selalu di-agong2kan tentang keelokan susunan Adat Perpateh itu dan yang telah menjadi dongengan itu.

20. Di-berikan kapada orang lain supaya di-changkol dan di-tanam dan hasil-nya di-bagi dua atau tiga mengikut permuafakatan dua pehak itu.

Selain daripada itu pergaulan anggota2 masharakat ita di-luar kampong telah luas . Kanak2 pergi ka-sekolah di-bandar2 dan di-pekan2 , banyak di-antara-nya tinggal di-kampong2 dann di-bandar2 dan tentu-lah perhubongan dengan adat di-kampong-nya menjadi renggang dan mungkin putus . Hinggakan yang dudok di-kampong2 itu tidak bagitu rapat lagi dengan hal Adat , tidak bagitu terikat lagi dan menarek serta memberikan perhatian -nya kepada Adat , kerana pandangan hidup mereka bukan tertumpu kepada kampong lagi tetapi sabalek-nya ka-pekan2 untok menchari pekerjaan . Anak2 yang telah menerima pelajaran tinggi saperti pelajaran University sudah merasa diri-nya tidak sesuai lagi dengan aturan masharakat itu dan juga pandangan hidup masharakat yang di-kongkong kuat oleh Adat itu . Oleh kerana mereka ada-lah mempunyai kemampuan bagi meninggalkan kampong itu mereka terus meninggalkan kampong dan banyak di-antara mereka yang berkahwin dengan gadis2 luar . Dalam masharakat hari ini yang mementingkan pelajaran dan ilmu pengatahan dan juga wang , pelarian anak2 muda ini tentu-lah akan merusutkan tenaga Adat itu .

Bagitu juga orang2 yang makan gaji di-luar2 Negeri Sembilan , satelah mereka merantau beberapa tahun apabila boleh ka-kampong

tidak dapat lagi menyesuaikan diri-nya dengan masharakat Adat itu. Yang mempunyai kemampuan, sama-ada menjahokan diri daripada aturan Adat ini dengan hidup tidak bagitu rapat dengan masharakat Adat itu atau terus membuat rumah dan tinggal di-tempat2 lain.

II. Nilain Baru.

Pada hari ini masharakat itu telah memberi nilain hidup yang baru. Masharakat itu akan lebeh menghormati sa-orang. yang tahu membacha dan menulis, yang memegang jawatan2 kerajaan. Mereka tidak dapat lagi memberikan kehormatan dan memberikan nilaiyan yang tinggi saperti dulu kapada jawatan2 Adat atau pegawai2 Adat itu. Dan saterusnya sa-sa-orang yang berpelajaran tinggi, (pada hari ini berpelajaran Inggeris)^{tidak} akan tertarek kapada jawatan2 Lembaga, Buapak mithal-nya. Pernah penulis mendengar sa-orang guru Melayu yang mengajar di-pekan berkata, "Adat itu biar-lah untok orang kampong." Ya, agak-nya sompong dan bongkak juga bunyi ulasan-nya itu! Dan demikian juga Adat kapada mereka, bukan satu perkara yang mesti di-pertahankan.

III. Kedatangan Jepun, Bangsa lain dan Pengaroh Kekayaan.

Di atas sudah di-gambarkan bagaimana Adat itu tidak lichin lagi aturan-nya di-dalam masharakat itu dan tidak kuat lagi kedudukan-nya dan selain daripada itu ada juga sebab2 yang lebeh besar yang dengan sechara langsung telah melemahkan Adat itu saperti mengikut perhatian Michael G. Swift dalam penyiasatan-nya di-Jelebu.²¹

- a) Kedatangan Jepun ka-Malaya dulu telah juga melemahkan perjalanan Adat ini. Sikap Jepun dengan sikap British terhadap Adat

21. Di-kutip daripada kuliah2-nya.

ini amat berbezaan . Tadbiran British sa-boleh2-nya memberi penghormatan kepada perjalanan Adat itu , sa-sunggoh-nya sikap kerajaan British ini-lah yang maseh mengekalkan kedudukan Adat itu , umpama-nya menuliskan chara pembahagian harta pusaka yang di-jadikan Undang2 itu , dan juga sekira-nya pehak kerajaan British hendak mengadakan satu2 kerja yang berhubong dengan ramai saperti mendirikan empangan sawah , bagi menentukan masa bagi mula menyangkul , maka hal itu mengikut panduan kerja pegawai daerah hendak-lah di-beri tahu terlebeh dahulu Dato'2 Lembaga yang bersangkutan . Pendek kata kedudukan Undang , Lembaga dan pegawai2 Adat yang lain2 ada-lah di-beri penghormatan yang sewajar-ny oleh tadbiran British dan ini tentu-lah dengan sendiri-nya kalau tidak mengesokkan dan memperkuatkan tadbiran serta kedudukan Adat itu .

Tetapi tadbiran Jepun mengambil sikap yang membawa kapada kehanchoran Adat . Apabila mereka mengambil negeri ini , dengan serta merta di-adakan-nya satu aturan tadbiran baru hinggakan di-peringkat kampong . Mereka tidak menghormati atau menghiraukan atau memperdulikan kedudukan antara Adat itu iaitu kedudukan Dato'2 Lembaga , Buapak2 dan lain2 pegawai Adat . Dalam satu2 kampong itu di-lantek-nya sa-orang ketua kampong dan kepada ketua kampong ini-lah di-serahkan-nya segala urusan dan kuasa dalam kampong itu hinggakan kadang2 ketua kampong itu menjadi raja kecil dalam kampong itu kerana kalau orang2 kampong itu chuba hendak memberi apa2 bantahan kapada-nya , ia akan mengadukan hal itu kepada ketua Jepun dalam dalam daerah dan kalau h

demikian berlaku , orang yang berkenaan itu akan menerima sepak-terajang , minum ayer-sabun dan hukuman2 yang berupa tidak perikemanusiaan . Dan tentu-lah bagi Dato'2 Lembaga , Buapak2 lebeh selamat mereka berdiam diri terutama-nya yang telah lajut umor-nya .

b) Kedatangan bangsa lain ka-dalam luak itu ada-lah juga melemahkan kedudukan Adat itu dan meninggikan kedudukan tadbiran kerajaan . Bangsa2 asing yang datang itu tidak boleh masuk ka-dalam masharakat Adat, oleh demikian satu2 perkara yang berbangkit tentu-lah mereka pergi berjumpa dengan pegawai2 kerajaan dalam daerah itu .

Bukan sahaja bangsa2 asing itu tidak di-masukkan ka-dalam masharakat Adat itu , bahkan juga orang2 seperti kaum Mendiling di-Jelebu yang agak besar juga bilangan-nya itu tidak di-ambil perhatian oleh Undang atau tadbiran Adat itu bagi mengambil orang2 itu masuk ka-dalam lingkongan tadbiran Adat . Bagitu juga kedudukan orang2 daripada Negeri asing dalam Negeri ini terutama-nya pegawai2 kerajaan dan penuris2 getah yang datang ka-luak itu terkeluar daripada kawasan Adat . Bilangan orang2 luar ini bertambah banyak dan ramai , dan oleh itu dengan sendiri-nya Adat itu tidak di-fikirkan mustahak kepada sabilangan besar pendudok2 luak itu dan ini tentu-lah akan melemahkan kedudukan Adat .

IV. Pengaruh Ugama dan Economy .

Dalam perjalanan masyarakat itu , tokoh2 yang lebih di-hormati daripada pegawai2 Adat seperti sa-orang alim kampong dan sa-orang kaya²² selalu juga terdapat dan dari sahari ka-sahari bilangan golongan ini samakin bertambah . Kerja sa-orang alim itu ia-lah mengajar di-surau2 atau di-kampong2 dalam luak itu . Kapada orang kampong alim2 ini selalu-nya di-pandang sebagai sa-orang yang lengkap dengan ilmu keugamaan . Malahan kadang2 sa-orang alim itu di-pandang sebagai "symbol" keugamaan dan kesuchian , oleh yang demikian penghormatan yang sewajar-nya ada-lah di-berikan kapada-nya oleh mereka . Kawasan pengajaran sa-orang alim itu tidak terbatas kapada satu suku saja atau sa-buah kampong saja tetapi meliputi beberapa kampong dan suku . Oleh itu orang2 yang menghormatkan-nya itu bukan-lah terbatas kepada satu suku tetapi ada-lah mengandongi beberapa suku . Dan penghormatan yang di-berikan oleh orang2 daripada berbagai-bagai suku itu bukan berdasarkan kapada rasa persukuan tetapi ia-lah kapada kepribadian-nya sebagai sa-orang alim . Bagitu juga kedudukan sa-orang kaya atau berada yang dapat memberikan pertolongan kapada orang2 bukan saja daripada suku-nya tetapi juga daripada suku2 asing itu ! Orang2 daripada berbagai-bagai suku

²² Selalu-nya ia ada-lah berpengaruh juga dalam masyarakat itu .

menghormatkan-nya dan penghormatan yang di-berikan kepada-nya itu bukan berdasarkan rasa persukuan tetapi ada-lah berdasarkan kapada kepribadian-nya sebagai sa-orang yang dapat memberi pertolongan kapada mereka samasa kesusahan . Kadang2 tokoh2 ini dapat pula memberikan pimpinan kapada orang2 kampong itu dan ini akan menambahkan lagi rasa penghormatan orang kampong itu terhadap-nya .

Penulis telah memerhatikan bagaimana kedudukan To' Alim dan Orang Kaya ini dapat merusutkan sama-ada dengan sechara langsung atau dengan sechara tidak langsung rasa bersuku-suku dalam masharakat itu , terutama-nya dalam kenduri-kendara yang di-adakan-nya .

Dalam kerja kenduri yang di-adakan oleh To' Alim dan Orang Kaya ini selalu-nya mereka memanggil orang2 daripada berbagai-bagai suku untuk menguruskan-nya . Hal saperti ini ada-lah perkara yang luar biasa di-buat dalam masharakat yang bersuku-suku itu . Selalu-nya dalam kerja kenduri saperti ihi yang berhak menchampori-nya ia-lah orang2 atau ahli2 daripada suku si-pemunya rumah itu saja terutama-nya waris2 yang berdekatan dan kalau di-panggil orang2 daripada suku asing maka orang2 daripada suku si-pemunya rumah itu akan terkilan dan selalu-nya mereka akan mengudorkan diri daripada kerja-kenduri itu . Tetapi oleh kerana kedudukan To' Alim dan Orang Kaya tadi ada-lah agak istimewa dalam masharakat itu , maka orang2 daripada berbagai-bagai suku itu semua-nya datang mengruskan kerja kenduri itu bersama-sama Memandang dari segi susunan masharakat Adat , tentu-lah kejadian demikian akan merusutkan dan mengurangkan rasa bersuku-suku itu dan ini dengan sendiri-nya akan melemahkan lagi susunan masharakat Adat itu .

Penghujongan ISummary

This Exercise deals with the political system of Adat Perpateh in Negeri Sembilan. There is a substantial literature on this subject particularly¹ in the Journals of the Royal Asiatic Society Straits Branch and Malayan Branch and also in the Papers on Malay Subjects. But the writer feels that most of the literature are mainly concerned with the theoretical side of the system, neglecting the far more important aspect of it, namely the actual everyday running of the Adat especially at the present day. It is this field that the writer tries to explore.

The study envisages three main purposes: a) to examine the actual position of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak in the past and at the present day,², b) to examine the actual situation, both from the theoretical and practical procedure as to how the elections of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak are being carried out, c) to estimate how far the Adat is still being respected and valued by the society and the Government.

-
1. Refer to Sumber² Pembachaan.
 2. Before and after the introduction of State Adminstration.

In the Exercise the positions of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak have been analysed before and after the introduction of the State Administration³ up⁴ the present day. The results indicate, that with the coming of the State Admininstration, the position of the Yang di-Pertuan Besar has much been uplifted and his powers enhanced, that of the Undang on the whole has much been weakened, and that of the Lembaga and Buapak has been deteriorating rapidly. Several causes and factors which contribute to the change have been given and discussed at some length.

With regards to the second purpose, certain specifice examples have been given and analysed. The conclusion shows, in the election of a Yang di-Pertuan Besar, no difficulty arises; the procedure is being laid down well and clearly even in the State Constitution, but in the election of an Undang, Lembaga, Buapak, several problems emerge, for instance which "perut"⁴ is entitled to the "giliran"⁵ and in the perut who is the most competent and ⁶ rightful to the claim of the "pusaka". The election of an Undang, Lembaga, Buapak, can in fact be described as the source of endless intrigues and disputes. The system of "giliran" does not look so simple and easy in its actual practice.

3. Brought by the British in 1895.

4. Sub-clan.

5. Rotation.

6. Offices in Adat.

Finally the question of how far the Adat is being respected and valued by the Government and the society. Several examples have been cited and analysed too. It is found out the Government respects and values the Adat in so far as it does not hinder the running of the administrative machinery of the State. Its attitude has always been to please and quieten the Adat officials. As to the attitude of the society towards the Adat it is quite difficult to estimate since the society is still in the process of changing from the traditional to the modern set up. In everyday life to a very great extent the people have ignored the administrative function of the Adat and have come over to Government administrative machinery but "emotionally" they still cling to the Adat. Nevertheless the Adat is fast crumbling. And this is not only the characteristic of the society in Adat Perpatih in Negeri Sembilan but also the Malay society in general.

Penghujongan IISumber2 bachaanJournal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.

1. A. Caldecott, Jelebu Customary Songs and Sayings, No. 78
(LXXVIII) 3-41.
2. C.W.C. Parr and W.H. Mackray, Rembau, Its History, Constitution
and Customs, No. 56.
3. D.F.H. Hervey, Rembau, Xlll, 241-258.
4. H.A. O'Brien, Jelebu, XIV, 337-343.
5. M. Lister, The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution,
Xlx, 35-53.
6. R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, LXXXIII, 123-141.
7. R.N. Bland, Aturan Sungai Ujong, XXVIII, 53-72.
8. Some Rembau Customary Sayings; Vol. VI pt. 4, 54-53.

Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.

1. Abdul Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, Vol. XIV, pt. 3,
190-225.
2. E.N. Tailor, The Customary Law of Rembau, VII, pt. 1, 1-283.
3. Hyde A., Naning Teromba, Vol. XIX pt. 1, 131-136.
4. Winstedt, Sir Richard, A History of Negri Sembilan, Vol. XII,
pt. 3, 41-111.

Papers on Malay Subjects .

1. A. Caldecott , (second series) , No. 1., Jelebu , Its History and Constitution .
2. J.E. Nathan and R.O. Winstedt , (second series) pt. 4 , Johol , Inas , Ulu Muar ,Jempul , Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution .
3. R.J. Wilkinson , Law , Part 1 , Introductory Sketch .
4. R.J. Wilkinson , (second series) No.2 , Sri Menanti .

Buku2 lain .

1. Buyong Adil , Sejarah Alam Melayu , Penggal V , (1940)
2. G.A. de C. Monbray , Matriarchy in the Malay Peninsula ,(1931)
3. J.M. Gullick , Indigenous Political Systems of Western Malaya, (1958)
4. Newbold , British Settlement in the Straits of Malacca,(1839)
5. P.E. Josselin De Jong , Minangkabau aand Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia , (1951)
6. Shahba , Pusaka Naning , (1951)
7. S. Takhdir Ali Shahbana , Puisi Lama ,(1954)

Penghujongan IIIDi-antara Orang2 Yang Di-TemuiPegawai2 Adat.

Dato' Undang Johol.
 Dato' Undang Jelebu.
 Dato' Naning.
 Dato' Klana Petra Sungai Ujong.

Dato' Ombi, Jelebu.
 Dato' Baginda Tan Mas, Johol.
 Dato' Jenang, Johol.
 Buapak Enam, Johol.

Dato' Sinda Maharaja, Rembau.
 Dato' Kanda Singah, Rembau.
 Dato' Langsa Hj. Sulaiman (terpechat), Rembau.
 Laksamana Idris, Bongek, Rembau.
 Menteri Shaari, Bongek, Rembau.
 Katib Hj. Tahar, Bongek, Rembau.
 Tengku Besar, Tampin.
 Dato'2 Penghulu Repah, Keru, Tampin Tengah.

Pegawai2 Tadbir Kerajaan.

Timbalan Menteri Besar, Negri Sembilan.

Pegawai Jajahan Rembau.
 Penolong Pegawai Jajahan Rembau.
 Penolong Pegawai Jajahan Tampin.
 Penolong Pegawai Jajahan Kuala Pilah.

Che' Mohd. Jan, kerani Pejabat Tanah Tampin.
 Che' Shukor, kerani Pejabat Tanah Tampin.
 Settlement Officer, Tampin.
 Che' Adam Kassim, kerani Pejabat Tanah Rembau.
 Che' Abdullah Hj. Dahir, kerani Pejabat Tanah Rembau.

Che' Itam Ahmad, ketua kampong Bongek, Rembau.
 Che, Mohd. Nor Ahmad, ketua kampong Pedas, Rembau.

Ahli2 Ugama.

Hj. Zainuddin, Repah Tampin.
Mufti Negri Sembilan.

Pegawai2 Jabatan Ugama Negeri Sembilan.

Che' Abbas, Penolong Ketua Ugama.
Che' Yaacob, kerani.
Kerani Besar Pejabat Ugama.

Guru2 Sekolah¹

Che' Kassim Yusof, Sekolah Umum Rahang, Seremban.
Che' Hassan Ujang, Sekolah Umum Astana Raja, Rembau.
Che' Abd. Samad, Sekolah Umum Chembong, Rembau.
Che' Dol, Tengku Besar School Tampin.
Che' Ibrahim Hj. Maamor, Tengku Besar School Tampin.

Lain2.

Che' Gu Abbas Ali, K.G.V. School, Seremban.
Hj. Maamor, kedai kopi Chengkau, Rembau.
Che' Mohd. Zain, kedai gunting Chengkau, Rembau.
Che' Jabar Sidin, Mahasiswa University Malaya.
Saudara Hassanry, Mahasiswa University Jakarta.

-
1. Semua-nya orang kuat dalam U.M.N.O.

Penghujongan IVPerbilangan Adat Yang Memberi Panduan1. Susunan tadbiran.¹

Alam beraja,
 Luak berpenghulu,
 Suku bertua.
 Anak beribu-bapa.
 Orang semenda bertempat semenda.

2. Sekatan kuasa.¹

Adat yang berjanjang naik, bertangga turun;
 Berlukis berlembaga,
 Bertiru bertaualadan

3. Kuasa2 tadbiran pegawai2 Adat.¹

Raja sa-keadilan,
 Penghulu sa-Undang,
 Tua sa-lembaga,
 Maris sa-pesak,
 Ibu-bapa sa-adat,
 Tempat semenda satu shahadat,
 Orang semenda sa-resam.

Raja berdaulat,
 Penghulu berandika:
 Raja bertitah,
 Penghulu bersabda;
 Raja berkhalifah,
 Penghulu bersuku.
 Undang berkelantasan,
 Lembaga bersekat.
 Raja bersejarah,
 Penghulu bersalasilah,
 Lembaga berteromba.

Raja berdaulat dalam alam-nya,
 Penghulu bernobat dalam suku-nya,
 Buapak bernobat dalam anak-buah-nya,
 Orang banyak bernobat dalam teratak-nya.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

4. Pemilehan dan Pemechatan pegawai2 Adat.¹

Patah tumboh, hilang berganti.
 Ganti hidup berkeredlaan,
 Ganti mati berkebulatan.
 Kebulatan anak buah membuat atau memechat buapa;
 Buapa bulat, waris-nya rapat, membuat atau memechat tua;
 Kebulatan tua, boleh membuat atau memechat undang;
 Undang bulat, lembaga rapat, waris sedia, membuat atau
 memechat raja.

5. Penurunan harta pusaka.¹

Pesaka
 Yang bersetapan, yang berjerami,
 Bertunggul, berpemarasan.

Sah batal ka-pada sa-kadim;
 Kata berchari ka-pada waris-nya;
 Tinggal waris menongkat;

Tinggal sa-kadim melintang;
 Tinggal harta bertuan ta' jadi;
 Tinggal tua batal.

6. Pembahagian harta.¹

Chari bahagi,
 Dapatan tinggal,
 Pembawa kembali,
 Kutu di-belah,
 Suarang di-ageh,
 Rugi laba pulang ka-tempat semenda,
 Nyawa darah pulang ka-pada waris.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

7. Adat Temenggong dan Adat Perpateh.¹

Ka-laut adat Temenggong:-
 Siapa menjala, siapa terjun,
 Siapa salah siapa bertimbang,
 Siapa berhutang, siapa membayar,
 Siapa membunoh siapa kena bunoh.

Ka-darat adat Dato' Perpateh:-
 Hutang nan berturut, chagar bergadai;
 Chinchang pampas, bunoh beri balas.

8. Hidup tolong menolong.¹

Dudok kita berpelarasan,
 Berdekat rumah, dekat kampong,
 Boleh minta-meminta,
 Akan jengok-menjengok
 Sakit dan pening.
 Sa-jamban sa-perulangan,
 Sa-pergi sa-permandian;
 Tanah-nya datar, ayer-nya jerneh,
 Muafakat-nya esa.

Kundor menjalar ka-ulu,
 Labu menjalar ka-hilir,
 Puchok-nya sama di-gatas,
 Buah-nya sama di-tarek:
 Dekat rumah dekat kampong;
 Sa-kampong sa-permainan,
 Sa-jamban sa-permandian.

9. Perhubungan Negeri Sembilan.²

Beraja ka-Johor,
 Bertali ka-Siak,
 Bertuan ka-Minangkabau.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.
2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

10. Asal penduduk Rembau.²

Gagak Itam, gagak semui,
 Turun di-bukit berkaki empat,
 Bangau puteh datang di-laut,
 Berkepak saiap.

11. Kedudukan Yang di-Pertuan.²

Ada pun Raja itu tiada mempunya
 Negeri dan tiada menchukai
 Kharjat, melainkan berkeadilan
 Sahaja, serta permakanan duit
 Sasuku, beras sa-gantang,
 Nior satali.

12. Kuasa Undang dan Lembaga.²

Pesaka Undang berkelantasan
 Pesaka Lembaga bersekat
 Tali pengikat daripada Lembaga,
 Kris penyalang daripada Undang;
 Pedang pemanchong daripada keadilan.

13. Kuasa serta kedudukan ibu-bapa.

Aturan Ibu-bapa di-dalam
 Anak-buah-nya:
 Satu ekor kambing adat-nia,
 Dan pakaian tilam terbujor,
 Bantal bersusun, tabir terpasang,
 Langit2 terbantang, rebana di-pukol
 Inai di-tarekkan, Ibu-bapa
 Sa-adat dengan Besar.

14. Hidup bersaudaraan?

Laksana sireh sa-rumpun,
 Laksana nior sa-tali,
 Sa-ikat ba'lembing,
 Sa-bungkus ba' nasi,
 Sa-kuchong ba' kuah,
 Berlapis ba' sawah.

2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

15. Asas tadbiran di-Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol.

Aturan Sungai Ujong: berundang, berkeadilan, berteromba,
bersalasilah.

Aturan Jelebu: berundang, berkeadilan, berlembaga.


Aturan Rembau: berundang, berlembaga.

Aturan Johol: berundang, berteromba, bersalasilah.


16. Medudokan To' Jenang dan Undang di-Johol.

Takeh kayu Batin Jenang,
Putus tebus pada Undang.

3. Di-kutip daripada 'Papers on Malay Subjects', Nathan and Winstedt, Johol.

Penghujongan V

Peta Menunjukkan Sempadan2 Jajahan Negeri Sembilan.

Penghujong VI

Peta Menunjukkan Kedudukan Luak2 Dan Daerah2 Mengikut

Tadbir Adat.